



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **491 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **20,248 kes** (65.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (277 kes);
- Selangor (135 kes);
- Negeri Sembilan (25 kes);
- Perak (22 kes);
- Pulau Pinang (12 kes);
- Sarawak (5 kes);
- Johor (4 kes);
- Terengganu (3 kes);
- Pahang (2 kes);
- Melaka (2 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (2 kes); dan
- Kelantan (2 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 466 kes (58.3 peratus) dan negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 170 kes (21.3 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes. Keempat-empat negeri ini telah menyumbang sebanyak 636 kes (79.6 peratus) daripada jumlah harian kes positif COVID-19 secara keseluruhan. Kesemua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk makluman juga, sebanyak 29 kes (3.6 peratus daripada jumlah keseluruhan) berkaitan kluster-kluster penjara dilaporkan pada hari ini yang terdiri daripada Kluster Penjara Reman (20 kes), Kluster Penjara Kepayan (6 kes) dan Kluster Tembok (3 kes).

Secara keseluruhannya, sehingga 30 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **799 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **30,889 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,392 kes**. Kesemua pesakit ini telah diasingkan dan diberi rawatan.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 466 kes**
 - 126 kes daripada kluster-kluster, termasuk 70 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Rumah Merah, Kluster Telipok dan Kluster Sembulan**;
 - 193 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 147 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 150 kes**
 - 116 kes daripada kluster-kluster, termasuk 76 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Merpati** dan **Kluster Astaka**;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan : 65 kes**
 - 54 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Titian**; dan
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Pulau Pinang : 35 kes**
 - 29 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 23 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Gala**;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 19 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak : 16 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI); dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak : 10 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor : Sembilan (9) kes** daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Meldrum**.

- **Kedah : Lima (5) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **90 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **20 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **249 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
247	11862	Sabah	Lelaki (WN)	70	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi
248	29786	Sabah	Lelaki (BWN)	53	Hospital Tawau	-
249	29787	Sabah	Perempuan (BWN)	60	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi dan strok

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

LAPAN (8) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lapan (8) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER RUMAH MERAH

Kluster baharu ini melibatkan sebuah Pusat Tahanan Sementara (PTS) di daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29774) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 28 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 56 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes menerima rawatan di Blok Isolasi Pusat Tahanan Sementara Menggatal.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 129 individu telah disaring, di mana:

- 57 kes dikesan positif COVID-19 (**56 kes baharu**); dan
- 72 individu dikesan negatif.

2) KLUSTER TELIPOK

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Sebanyak 10 kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 29 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Bomba, Sepanggar.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 112 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**10 kes baharu**); dan
- 102 individu dikesan negatif.

3) KLUSTER SEMBULAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-26238) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 24 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 11 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Institut Kemahiran MARA, Sepanggar dan Politeknik Sepanggar.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 99 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**); dan
- 87 individu dikesan negatif.

4) KLUSTER MERPATI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sepang, Gombak dan Kuala Langat di negeri Selangor. Sebanyak 45 kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 29 Oktober 2020. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 116 individu telah disaring, di mana:

- 45 kes dikesan positif COVID-19 (**45 kes baharu**); dan
- 71 individu dikesan negatif.

5) KLUSTER ASTAKA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling, Hulu Langat dan Kuala Selangor di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29262) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 31 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 114 individu telah disaring, di mana:

- 32 kes dikesan positif COVID-19 (**31 kes baharu**); dan
- 82 individu dikesan negatif.

6) KLUSTER TITIAN

Kluster baharu ini dikenal pasti di Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 11 kes telah dikesan positif COVID-19 hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi di Kampung Muslim pada 29 Oktober 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Labuan.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 464 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**11 kes baharu**);
- 40 individu dikesan negatif; dan
- 413 individu masih menunggu keputusan.

7) KLUSTER GALA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban dan Jelebu di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-27703) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan petugas kesihatan pada 26 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Ja'afar. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 139 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 98 individu dikesan negatif; dan
- 33 individu masih menunggu keputusan.

8) KLUSTER MELDRUM

Kluster baharu ini melibatkan daerah Johor Bahru, Kota Tinggi dan Tangkak di negeri Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-30789) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 29 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lima (5) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor.

Sehingga 30 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 219 individu telah disaring, di mana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**);
- 138 individu dikesan negatif; dan
- 75 individu masih menunggu keputusan.

SITUASI TERKINI KAPASITI KATIL COVID-19

Sehingga 29 Oktober 2020 pukul 10:00 malam, terdapat 44 buah hospital KKM dan 2 buah hospital pengajar di seluruh Malaysia yang menyediakan perkhidmatan untuk pesakit COVID-19. 46 hospital ini menempatkan 3,825 buah katil dan kadar penggunaannya adalah sebanyak 54 peratus. KKM turut menyediakan katil tambahan menerusi pengwujudan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di seluruh negara di mana sehingga kini terdapat 60 PKRC yang sedang beroperasi dengan kapasiti katil sebanyak 12,235 dan kadar penggunaannya adalah 36 peratus. Dengan ini, bilangan keseluruhan katil untuk rawatan pesakit COVID-19 di hospital dan PKRC di Malaysia adalah 16,060 dengan kadar penggunaannya sebanyak 40 peratus.

Khusus bagi negeri Sabah pula, sehingga 29 Oktober 2020 pukul 10:00 malam, 9 daripada 24 buah hospital KKM di seluruh negeri Sabah telah digunakan sebagai Hospital Hybrid COVID-19 iaitu menyediakan perkhidmatan untuk pesakit COVID-19 dan pada masa yang sama meneruskan perkhidmatan untuk lain-lain perkhidmatan perubatan. Setakat ini 1,007 buah katil untuk pesakit COVID-19 telah disediakan di 9 buah hospital ini dan kadar penggunaan adalah sebanyak 77 peratus. Terdapat 28 PKRC yang sedang beroperasi di seluruh negeri Sabah dengan kapasiti katil sebanyak 7,368 dan kadar penggunaannya adalah 43 peratus. Dengan ini, bilangan keseluruhan katil untuk rawatan pesakit COVID-19 di hospital dan PKRC di negeri Sabah adalah 8,375 dengan kadar penggunaannya sebanyak 47 peratus.

Meskipun terdapat pertambahan kes baharu setiap hari yang dilaporkan, khususnya di negeri Sabah, namun terdapat juga banyak kes-kes discaj dalam jumlah yang banyak dilaporkan setiap hari. Oleh itu, katil yang kosong ini boleh digunakan pula untuk kes-kes baharu. Selain itu, KKM sentiasa menilai situasi semasa dan mempunyai perancangan untuk meningkatkan lagi kapasiti katil sekiranya diperlukan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sebang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 30 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	466	14,519
SELANGOR	150	4,645
W.P. KUALA LUMPUR	19	3,033
KEDAH	5	2,122
NEGERI SEMBILAN	23	1,582
PULAU PINANG	35	992
JOHOR	9	906
SARAWAK	16	872
PERAK	10	505
W.P. LABUAN	65	457
PAHANG	0	393
MELAKA	0	311
TERENGGANU	0	192
KELANTAN	0	179
W.P. PUTRAJAYA	1	143
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	799	30,889

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(30 Oktober 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1.	Saguking	WP Labuan	Labuan	37	228	3,260	187 (0)	40	1
2.	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	33	394	798	392 (0)	2	0
3.	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	20	483	2,964	86 (0)	396	1
4.	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa, Seremban	14	118	2,150	71 (0)	47	0
5.	Omadal	Sabah	Semporna	13	35	198	35 (0)	0	0

6.	Titir	Sabah	Keningau	11	89	1,426	85 (0)	4	0
7.	Mesra	Sabah	Sandakan	11	67	116	55 (0)	11	1
8.	Baki	Sarawak, Perak	Kuching, Kinta	11	39	1049	39 (0)	0	0
9.	Teduh	Sabah	Lahad Datu	10	44	2,554	30 (0)	14	0
10.	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kerian, Larut Matang & Selama	7	47	1,036	44 (0)	3	0
11.	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri	7	36	112	36 (0)	0	0
12.	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang	6	1,676	3,491	1669 (0)	7	0
13.	Limbungan	WP Labuan	Labuan	5	28	383	24 (0)	4	0

14.	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	4	48	348	36 (1)	12	0
15.	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kluang	4	46	627	46 (1)	0	0
16.	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu	4	40	724	19 (0)	21	0
17.	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Seremban, Kepong	4	28	109	21 (1)	6	1
18.	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	3	1,742	8,902	434 (5)	1,305	3

19.	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	2	236	895	52 (0)	184	0
20.	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur, Pulau Pinang	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Titiwangsa, Cheras, Lembah Pantai, Timur Laut, Seberang Perai Utara	2	61	553	25 (0)	36	0
21.	Tempayan	Sabah	Penampang, Kota Kinabalu	2	25	244	9 (0)	16	0
22.	Taman Laut	Selangor	Petaling	2	8	123	8 (0)	0	0
23.	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	1	382	3,493	142 (0)	238	2

24.	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	1	84	548	34 (0)	50	0
25.	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Klang, Gombak, Seremban, Port Dickson	1	75	1,989	25 (0)	50	0
26.	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	1	70	335	57 (1)	13	0
27.	Tanamera	Sabah	Tawau	1	69	160	41 (0)	28	0
28.	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	1	59	738	18 (0)	41	0

29.	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu	1	24	58	24 (0)	0	0
30.	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	1	21	171	20 (0)	0	1
31.	Bandaran	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	1	15	72	15 (0)	0	0

*BWN = Bukan Warganegara